

Boleh beli, tapi...

Farmasi jalan urus niaga bersyarat diserbu KPDNHEP

Oleh Siti-Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Pasir Mas

Tidak boleh membeli penutup mulut dan hidung sahaja, tetapi perlu dibeli bersama cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).

Itu pembelian bersyarat yang dikenakan sebuah farmasi di pusat bandar di sini, sebelum premis itu diserbu selepas pihak berkuasa menerima aduan awam, semalam.

Serbu pada jam 9.15 pagi itu dijalankan lima penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Pasir Mas.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah KPDNHEP Cawangan Pasir Mas Asmadi Shafii berkata, seorang pegawai penguat kuasa membuat penyamaran sebagai pelanggan terlebih dahulu.

"Hasil penyamaran men-



PENGUAT kuasa KPDNHEP cawangan Pasir Mas menyerbu farmasi yang mengambil kesempatan, semalam.

dapati penutup mulut dan hidung dijual secara bersyarat iaitu mesti membuat pembelian bersama cecair pembasmi kuman.

"Penutup mulut dan hidung adalah barangan kawalan, tetapi cecair pembasmi

kuman tidak termasuk dalam kategori itu.

"Memang menjadi kesalahannya jika ada peniaga yang mengambil kesempatan menjalankan urus niaga seumpama ini," katanya dalam kenyata-

an media di sini, semalam.

Asmadi berkata, pemilik premis berusia 46 tahun disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kerana membuat jualan bersyarat terhadap barang harga terkawal iaitu penutup mulut dan hidung tiga lapisan.

Menurutnya, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Ini adalah kes pertama di Kelantan. Peniaga dinasihatkan tidak cuba mengaut keuntungan dengan membuat jualan bersyarat terhadap mana-mana barang harga terkawal.

"Kami sentiasa menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa terhadap peniaga di daerah ini bagi memastikan pengguna tidak terbeban dan tertipu dengan aktiviti perniagaan yang tidak sepatutnya," katanya.

Penguat kuasa menyamar sebagai pelanggan